

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 13, 2019 11:52 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Terapi Minda Gunung Keriang Sambil Jelajah, Semai Rasa Cinta Alam Sekitar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 MEI 2019 / 08 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hafizani Hamid

Gambar oleh: Abdul Halim Husain & Mohd Amir Aizat Sainon

TERAPI MINDA GUNUNG KERIANG SAMBIL JELAJAH, SEMAI RASA CINTA ALAM SEKITAR



UUM ONLINE: Sambil menjelajah keindahan gua yang terdapat di Gunung Keriang, 70 peserta dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), berpeluang menyemai rasa cintakan alam sekitar sepanjang program Terapi Minda dan Gotong-royong Gunung Keriang, baru-baru ini.

Program anjuran Kelab Barakah dan Jawatankuasa Kerohanian dan Rekreasi, SLCP itu turut disertai staf dari Jabatan Penerangan Kota Setar, E-Idaman Sdn. Bhd., Jabatan Pertahanan Awam dan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) serta penduduk kampung.

Dekan SLCP, Prof. Dr. Syukri Ahmad berkata, program itu bertujuan untuk memberi peluang kepada semua peserta untuk memperoleh ilmu, pemahaman dan pengalaman menjelajah satu-satunya bukit batu kapur yang berbentuk mogot yang terdapat di daerah Kota Setar.

Menurutnya, Gunung Keriang amat terserlah kerana saiznya yang besar dan kedudukan yang tinggi dikelilingi kawasan sawah padi yang luas.

“Secara geologi, struktur bukit batu kapur Gunung Keriang ini terdiri daripada jujukan lapisan batu kapur yang dinamakan formasi Chuping atau juga dinamakan sebagai formasi Kodiang, sangat kaya dengan fosil terutamanya fosil mikro dengan ketinggian 217.92 meter dan ia merupakan bukit batu kapur purba sejak zaman Permian (sekitar 250 juta tahun dahulu).

“Peserta yang mengikuti jelajah gua dapat meneroka sekurang-kurangnya 10 jenis batu kapur yang berlainan dan bernilai di pasaran dengan kepelbagaian batu kapur di Gunung Keriang telah menarik minat peserta untuk menyertai penerokaan gua tersebut untuk melihat sendiri sebahagian bunga kristal kalsit unik dan berharga yang masih belum diterokai oleh orang ramai,” katanya.

Beliau berkata, program Terapi Minda itu harus diteruskan lagi dan disertai lebih ramai staf sebagai memenuhi tanggungjawab kepada universiti dan pada masa sama dapat menanam rasa cintakan alam sekitar.

Pengerusi Barakah, Mohd Farid Yusoff berkata, semasa sesi menjelajah gua, peserta amat terpegun dengan khazanah alam kerana berpeluang melihat stalagtit, stalagmit, batu alir (flow stone) dan kristal kalsit secara lebih dekat.

Tidak lupa juga, katanya, pengalaman melalui kawasan pertembungan angin di tengah-tengah gua yang sangat nyaman mampu menenangkan minda peserta.

Sementara itu, Guru Bahasa Kanan, Shahrul Niza Said dari SLCP berkata, pengalaman menjelajah ke dalam gua di Gunung Keriang sangat menyeronokkan dan mencabar kerana ia memerlukan kerjasama antara pasukan.

Menurutnya, dia terpegun melihat keindahan dalam gua tersebut yang dipenuhi dengan pelbagai khazanah dan dapat melihatnya di hadapan mata sendiri.

“Gunung Keriang ini merupakan satu tempat rekreasi yang menarik dan seharusnya dipromosikan dengan lebih giat lagi bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong bukan sahaja tempatan malah luar negara,” katanya.

Selain menjelajah ke dalam gua, peserta juga mengadakan gotong-royong di sekitar kawasan rekreasi Gunung Keriang yang mana secara tidak langsung mengeratkan ikatan silaturahim dalam kalangan ahli dan penduduk kampung.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.